

PELAN PENGURUSAN RISIKO 2016-2020

Laporan Penilaian dan
Strategi Kawalan Risiko
Kementerian Kesihatan Malaysia



“Maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini tidak boleh diberitahu secara langsung atau tidak langsung kepada akhbar atau sesiapa yang tidak dibenarkan”

ISI KANDUNGAN

| | | |
|----|--|--------|
| A. | INDEK | |
| | Isi Kandungan | i - ii |
| | Glosari | iii-iv |
| B. | PERUTUSAN | v |
| | Perutusan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia | vi |
| | Perutusan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (Pengurusan) | vii |
| 1. | PENGENALAN | |
| 2. | PUNCA KUASA | |
| 3. | POLISI PENGURUSAN RISIKO KKM | |
| | 3.1. Latar Belakang KKM | |
| | 3.2. Visi dan Penyataan Misi KKM | |
| | 3.3. Risiko dan Pengurusan Risiko Mengikut Konteks KKM | |
| | 3.4. Objektif Pengurusan Risiko | |
| | 3.5. Komponen Pengurusan Risiko | |
| | 3.6. Model Pengurusan Risiko | |

- 3.7. Ringkasan Model Pengurusan Risiko
 - 3.8. Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko dan Peranan
 - 3.9. Senarai *Stakeholders*
 - 3.10. Indeks Kebarangkalian dan Impak
 - 3.11. Had Penerimaan Risiko
-
- 4. SENARAI INSIDEN RISIKO
 - 5. JADUAL PENILAIAN DAN STRATEGI KAWALAN RISIKO
 - 6. PENUTUP

Glosari

| Bil | Singkatan | Program/bahagian |
|-----|-------------------------------|--|
| 1. | Pejabat TKPK | Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan |
| 2. | Pemakanan | Bahagian Pemakanan |
| 3. | BPKK | Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga |
| 4. | BPP | Bahagian Perkembangan Perubatan |
| 5. | OHD | Bahagian Kesihatan Pergigian |
| 6. | BKKM | Bahagian Keselamatan & Kualiti Pemakanan |
| 7. | Amalan Perubatan | Bahagian Amalan Perubatan |
| 8. | Kawalan Penyakit | Bahagian Kawalan Penyakit |
| 9. | Kewangan | Bahagian Kewangan |
| 10. | BPAF | Bahagian Perkembangan & Amalan Farmasi |
| 11. | BPFK | Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan |
| 12. | PUU | Pejabat Undang-Undang |
| 13. | Kejuruteraan | Bahagian Kejuruteraan |
| 14. | BSM | Bahagian Sumber Manusia |
| 15. | IPK | Institut Pengurusan Kesihatan |
| 16. | BPF | Bahagian Perkhidmatan Farmasi |
| 17. | MDA | <i>Medical Device Authority</i> |
| 18. | BSKB | Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu |
| 19. | Pend Kesihatan | Bahagian Pendidikan Kesihatan |
| 20. | Perancangan | Bahagian Perancangan |
| 21. | BPM | Bahagian Pengurusan Maklumat |
| 22. | PIK | Pusat Informatik Kesihatan |
| 23. | Medical Program | <i>Medical Program</i> |
| 24. | Telekesihatan | Bahagian Telekesihatan |
| 25. | BKP | Bahagian Khidmat Pengurusan |
| 26. | IKU | Institut Kesihatan Umum |
| 27. | BPTK | Bahagian Perubatan Tradisional & Komplimentari |
| 28. | Pejabat TKPK (Kesihatan Awam) | Pejabat TKPK (Kesihatan Awam) |
| 29. | BPL | Bahagian Pengurusan Latihan |
| 30. | UKK | Unit Komunikasi Korporat |

| Bil | Singkatan | Program/bahagian |
|-----|------------|--|
| 31. | CRCCRM | Pusat Penyelidikan Klinikal |
| 32. | BDHA | Bahagian Dasar & Hubungan Antarabangsa |
| 33. | Kompetensi | Bahagian Pembangunan Kompetensi |
| 34. | LPKM | Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia |
| 35. | MHTC | <i>Malaysian Healthcare Travel Council</i> |

PERUTUSAN

Yang Berbahagia Dato' Seri Dr. Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia



Salam sejahtera dan salam sihat.

Pengurusan risiko merupakan salah satu elemen penting dalam pengurusan sesebuah organisasi yang perlu diberi perhatian. Lantaran itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menggariskan hala tuju pengurusan risiko berasaskan aspek-aspek seperti perundangan, strategik, keselamatan maklumat, sumber manusia, reputasi, kewangan dan operasi. Melaluinya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) boleh mengukur, menganalisis tahap risiko sesuatu program dan seterusnya mengambil tindakan untuk merancang dan mengawal risiko yang dikenal pasti.

Selaras dengan itu adalah menjadi keutamaan KKM untuk memastikan penambahbaikan dan pemantapan berterusan terhadap pelan pengurusan risiko kementerian yang berkesan bagi menjamin kesinambungan sistem penyampaian perkhidmatan KKM.

Justeru, saya berharap agar semua warga KKM dapat memastikan Pelan Pengurusan Risiko KKM 2016-2020 ini dihayati dan dilaksanakan secara berkesan serta menyeluruh untuk mencapai tahap pengurusan risiko yang dapat menjamin kesinambungan perkhidmatan KKM.

Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan Malaysia

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan salam sejahtera.

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya, Kementerian Kesihatan Malaysia berjaya menerbitkan Pelan Pengurusan Risiko bagi tahun 2016-2020. Pada dasarnya, pelan ini telah diwujudkan pada tahun 2012 lagi. Walau bagaimanapun pelan ini telah disemak dan ditambahbaik mengikut perubahan dan keperluan semasa.

Dengan terhasilnya pelan ini, maka kesiapsiagaan dalam menghadapi bencana dapat dipertingkatkan dan meminimakan risiko-risiko yang ada di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia.

Justeru, saya menzahirkan harapan yang tinggi agar pelan ini dapat mencapai matlamatnya dan dapat memberi manfaat kepada semua warga Kementerian Kesihatan Malaysia.



Dato' Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Merangkap *Chief Information Officer*

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Pengurusan risiko adalah proses bagi mengenalpasti, menilai dan mengawal risiko serta merupakan salah satu ciri utama bagi sesebuah organisasi cemerlang. Organisasi perlu bertindak secara positif terhadap potensi risiko yang ada dan yang dijangka, disamping memahami dan berusaha untuk mengawal sebarang kebarangkalian berlakunya risiko yang mungkin menjejaskan penyampaian perkhidmatan.
- 1.2 Matlamat utama pengurusan risiko adalah untuk meningkatkan kesedaran keseluruhan warga organisasi terhadap kewujudan apa jua risiko dalam melaksanakan tugas harian, mengurangkan kekerapan berlakunya gangguan dan meminimumkan impak gangguan tersebut terhadap penyampaian perkhidmatan KKM, sekiranya berlaku. Menerusi pelaksanaan pengurusan risiko, KKM dapat menangani ancaman risiko yang ada dan dapat memberi fokus kepada risiko yang berpotensi untuk berlaku.
- 1.3 Bagi mewujudkan pelan risiko yang lengkap dan sempurna, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan proses penganalisan risiko menggunakan model pengurusan risiko secara sistematik dan tersusun. Penganalisan yang sempurna menjamin insiden-insiden risiko dikenal pasti berdasarkan perkhidmatan teras kementerian ini. Daripada penemuan ke atas tahap risiko yang pelbagai membolehkan tindakan diambil oleh kementerian ini untuk melaksanakan mitigasi dan kawalan.

PUNCA KUASA

2.0 PUNCA KUASA

2.1 Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2009

"Kementerian, Jabatan dan Agensi hendaklah mengamalkan teknik-teknik pengurusan risiko sebelum melaksanakan sesuatu projek atau program terutamanya yang berisiko tinggi untuk meminimalkan risiko semasa pelaksanaannya."

2.2 Garis Panduan Bagi Mempertingkatkan Tadbir Urus Dalam Sektor Awam, 2007

"Semua Pegawai awam yang diamanahkan untuk menguruskan sumber mempunyai tanggungjawab bagi mengenalpasti dan menangani risiko yang dihadapi dalam pelaksanaan program dan projek. Aspek pengurusan risiko harus diutamakan dalam usaha agensi untuk mencapai tahap prestasi yang tinggi dan pematuhan kepada peraturan yang sedia ada."





POLISI PENGURUSAN RISIKO

3.0 POLISI PENGURUSAN RISIKO

3.1 Latar Belakang Kementerian Kesihatan Malaysia

Perkhidmatan kesihatan di Malaysia bermula semenjak abad ke 19. Pada awalnya, ia bertujuan untuk menyediakan rawatan kepada pekerja industri perlombongan bijih timah dengan kadar bayaran rawatan yang dikenakan sebanyak 50 sen seorang untuk tempoh setahun. Berikutan itu, banyak hospital dibina di Perak. Hospital Taiping (dahulunya dikenali sebagai Hospital Yeng Wah) merupakan antara hospital pertama yang dibina pada tahun 1880. Menjelang kemerdekaan, terdapat 65 buah hospital telah dibina di seluruh negara.

Memandangkan penyakit berjangkit pada waktu itu menular dengan meluasnya di Malaysia, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) telah diwujudkan pada tahun 1900 bagi mengkaji punca dan kaedah mengawal jangkitan, khususnya penyakit tropika.

Setelah mencapai kemerdekaan, kerajaan memberi tumpuan untuk meningkatkan tahap sosio ekonomi penduduk khususnya penduduk luar bandar. Sektor kesihatan adalah antara bidang yang diberi keutamaan. Prasarana bagi penjagaan kesihatan *primer* seterusnya giat dibangunkan selari dengan perkembangan perkhidmatan hospital.

Kementerian Kesihatan pernah digabungkan dengan Kementerian Kebajikan bagi dua tempoh iaitu antara 1956 - 1957 dan 1960 - 1962 di mana, pada waktu itu ia diberi nama Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat. Ketika itu, disamping menangani isu kesihatan, Kementerian ini turut memainkan peranan dalam pemulihan isu-isu sosial serta pembangunan masyarakat. Walau bagaimana pun, semenjak penubuhan Malaysia pada tahun 1963, Kementerian ditukar semula kepada nama asal iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia yang kekal sehingga sekarang.

3.2 Objektif, Visi dan Misi KKM

| | |
|-----------------|--|
| OBJEKTIF | <p>Untuk membantu seseorang individu untuk mencapai dan mengekalkan satu taraf kesihatan bagi membolehkannya menjalankan kehidupan ekonomi dan sosial yang produktif</p> <p>Ini boleh dicapai dengan menyediakan perkhidmatan bercorak penggalakan, pencegahan, rawatan dan pemulihan yang cekap, sesuai dan berkesan dengan memberi penekanan kepada golongan-golongan yang kurang bernasib baik.</p> |
| VISI | <p>“Negara menggembelng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik.”</p> |
| MISI | <ol style="list-style-type: none">i. untuk memudahkan dan membolehkan rakyat:<ul style="list-style-type: none">- mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan- menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga- mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan merekaii. untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi iaitu:<ul style="list-style-type: none">- mengutamakan pelanggan- saksama- tidak membebankan- cekap- wajar mengikut teknologi- boleh disesuaikan mengikut persekitaran- inovatifiii. dengan menekankan:<ul style="list-style-type: none">- sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan- sifat menghormati maruah insan- penglibatan masyarakat |

3.3 Risiko dan Pengurusan Risiko Mengikut Konteks Ibu Pejabat KKM

3.3.1 Definisi Risiko

Sesuatu keadaan di dalam atau di luar organisasi yang berpotensi memberi impak serta menghalang organisasi daripada mencapai objektifnya, menyampaikan perkhidmatannya, melaksanakan atau menjalankan projek dengan sebaiknya.

3.3.1 Definisi Pengurusan Risiko

Pengurusan risiko terdiri daripada rangka kerja dan proses yang membolehkan organisasi mengurus risiko dengan efektif, efisien dan sistematik secara menyeluruh dalam konteks strategik, program, projek dan operasi serta penambahbaikan berterusan.


3.4 Objektif Pengurusan Risiko

Objektif pengurusan risiko adalah seperti berikut:

- 3.4.1 Memastikan risiko kritikal yang memberi kesan ke atas pencapaian perkhidmatan teras, menjejaskan pengurusan kewangan dan ketidakberkesanan pengurusan sumber dikawal secara sistematik.
- 3.4.2 Merekodkan hasil analisis ke atas setiap insiden risiko yang telah dikenalpasti secara komprehensif sebagai rujukan pengurusan tinggi dalam memastikan tindakan bersesuaian dapat diambil dengan berkesan.
- 3.4.3 Menjadi mekanisme dalam mengkoordinasikan tindakan pencegahan dan mitigasi ke atas insiden risiko yang telah dikenalpasti.
- 3.4.4 Menjadi panduan utama dalam pelaksanaan tindakan ke atas pengurusan bencana, komunikasi semasa krisis dan tindak balas semasa kecemasan.

3.5 Komponen Pengurusan Risiko

Komponen pengurusan risiko KKM adalah seperti Gambar Rajah 1 di bawah:



Gambar Rajah 1 : Komponen Pengurusan Risiko

3.6 Peringkat dan Jenis Risiko

3.6.1 Risiko Peringkat Strategik

Risiko peringkat strategik boleh didefinisikan sebagai risiko-risiko yang wujud akibat daripada perubahan dasar, kepimpinan organisasi, persekitaran, sosio-ekonomi dan politik atau kegagalan mencapai sasaran yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik atau yang berdasarkan faktor penentu kejayaan (*critical success factor*) KKM.

Risiko ini adalah risiko berperingkat tinggi di mana ia diuruskan menerusi pembuatan dasar yang melibatkan isu-isu perancangan strategik di peringkat nasional. Oleh yang demikian, risiko peringkat ini memerlukan keterlibatan pegawai-pegawai kanan yang berbekalkan pengetahuan dan pengalaman yang luas serta mempunyai kapasiti dan berpengaruh besar dalam sesebuah organisasi itu.

Ciri-ciri ini penting kerana risiko di peringkat ini akan melibatkan proses pembuatan keputusan yang melibatkan serta merubah dasar dan hala tuju KKM pada jangka masa panjang. Risiko yang wujud di peringkat ini adalah dipengaruhi kebiasaannya berpunca faktor luar seperti:

- i. perubahan keadaan ekonomi nasional dan antarabangsa;
- ii. perubahan dalam dasar-dasar Kerajaan atau pertukaran struktur politik;
- iii. perubahan demografik /persekitaran;
- iv. ketidaktenteraman awam; dan
- v. persekitaran seperti pencemaran.

3.6.2 Risiko Peringkat Program

Risiko di peringkat program adalah berkait rapat dengan risiko yang wujud di peringkat strategik. Hal ini kerana dasar-dasar yang digubal di peringkat strategik perlu disampaikan kepada kumpulan tertentu sama ada di peringkat dalaman mahupun luaran ataupun sebagai makluman umum. Maka, apa-apa yang menjadi penghalang kepada tujuan ini boleh didefinisikan sebagai risiko peringkat program.

Program-program tertentu perlu dirancang dan dibangunkan berdasarkan dasar-dasar yang telah digubal. Pengurusan atasan KKM harus memastikan bahawa program yang telah dibangunkan ini dijalankan supaya keputusan besar yang telah dibuat dalam organisasi tersebut mencapai objektifnya:

- i. perolehan;
- ii. kewangan;
- iii. pengurusan;
- iv. projek;
- v. perundangan;
- vi. kualiti Perkhidmatan; dan
- vii. kesinambungan perkhidmatan.

3.6.3 Risiko Peringkat Operasi

Risiko di peringkat operasi boleh didefinisikan sebagai pelengkap kepada risiko di peringkat strategik dan program. Segala program yang telah dibangunkan berdasarkan dasar-dasar di peringkat strategik mesti dilaksanakan menerusi operasi yang telus dan efektif. Proses ini penting supaya keputusan-keputusan di peringkat tertinggi memenuhi tujuan asal ia dibuat.

Risiko operasi adalah kebarangkalian berlaku perkara-perkara operasi yang menyebabkan kerosakan (*damage*) yang diakibatkan dari kelemahan proses kerja, sistem teknologi maklumat, sistem kawalan dan sokongan dalam operasi atau aktiviti harian KKM. Contoh-contoh risiko adalah seperti berikut:

- i. kelemahan dalam aspek latihan dan sistem kawalan sumber manusia;
- ii. proses kerja yang tidak lengkap;
- iii. kegagalan dalam mematuhi proses; dan
- iv. gangguan sistem secara dalaman atau luaran.


Berdasarkan ketiga-tiga peringkat risiko tersebut di atas, telah dikenal pasti terdapat tujuh (7) jenis risiko yang biasanya melibatkan KKM iaitu :

| Kategori | Definisi |
|-------------|--|
| Perundangan | Risiko berkaitan perundangan negara, kontrak, MOU, prosedur dan polisi |

| Kategori | Definisi |
|----------------------|--|
| Strategik | Risiko yang berkaitan dengan strategi atau polisi yang gagal atau silap |
| Keselamatan Maklumat | Risiko berkaitan dengan maklumat yang dihasilkan tidak tepat, tidak lengkap, tidak sesuai, disalahguna, <i>out-of-date</i> |
| Sumber Manusia | Risiko yang berkaitan memberi kesan yang mendalam kepada manusia |
| Reputasi | Risiko yang berkaitan dengan nama Negara / Kementerian / Jabatan dan Unit |
| Kewangan | Risiko berkaitan dengan kewangan, transaksi, penipuan dan kecairan |
| Operasi | Risiko yang berkaitan dengan kerja yang tidak dapat disiapkan pada masanya |

3.7 Model Pengurusan Risiko

Model pengurusan risiko yang diaplikasi dalam menganalisis risiko di KKM adalah seperti Gambar Rajah 2 berikutnya.



Gambar Rajah 2 : Komponen Pengurusan Risiko

3.7.1 Proses Pengurusan Risiko

Bagi tujuan pengurusan risiko KKM, lima (5) langkah utama yang digunakan iaitu :

- i. menetapkan konteks;
- ii. menilai risiko;
- iii. menetapkan strategi kawalan risiko;
- iv. pemantauan dan kajian semula; dan
- v. komunikasi dan perundingan.

a. Menetapkan Konteks

Objektif utama penetapan konteks dan kategori risiko adalah untuk menentu dan memahami kedudukan KKM dalam konteks strategik, program dan operasi. Bagi tujuan itu KKM menjalankan analisis bagi menentukan kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang (SWOT) atau melakukan pengimbasan persekitaran luaran bagi mengenal pasti ancaman dari sudut Politik, Ekonomi, Sosial, Teknologi, Alam Sekitar atau Undang-Undang (PESTEL). Hasil analisis ini bukan sahaja membantu KKM memahami bentuk risiko yang bakal atau mungkin dihadapi tetapi juga dapat membezakan risiko di peringkat strategik dan operasi.

b. Menilai Risiko

Penilaian risiko yang mungkin dihadapi dilaksanakan berdasarkan nilai kuantitatif atau kualitatif impak daripada kebarangkalian kejadian risiko. Ia ditentukan melalui tiga (3) proses berikut:

i. Mengenal pasti risiko

KKM mengenalpasti potensi terhadap sebarang risiko yang berkemungkinan berlaku di semua Bahagian / Jabatan KKM melalui 7 kategori (rujuk Jadual 2)

yang telah dikenalpasti oleh pihak pengurusan tertinggi berdasarkan konteks KKM.

ii. Menganalisis Risiko

Analisis risiko yang telah dikenal pasti oleh KKM (Bahagian / Jabatan) dijalankan dengan mengambilkira potensi kejadian berdasarkan Jadual 1 dibawah.

| SKALA PENARAFAN | | KETERANGAN |
|-----------------|--------------------|--|
| 5 | HAMPIR PASTI | Sesuatu kejadian yang kerap/ hampir pasti berlaku – sekali dalam sebulan |
| 4 | KEMUNGKINAN TINGGI | Sesuatu kejadian yang besar kemungkinan berlaku – sekali setiap 6 sebulan |
| 3 | ADA KEMUNGKINAN | Sesuatu kejadian yang mungkin berlaku – sekali setahun |
| 2 | KEMUNGKINAN RENDAH | Sesuatu kejadian yang rendah kemungkinan berlaku – sekali dalam setiap 3 tahun |
| 1 | JARANG | Sesuatu kejadian yang jarang berlaku – sekali melebihi 3 tahun |

Jadual 1: Indeks Kebarangkalian KKM

Manakala indeks impak seperti Jadual 2 di bawah adalah sebagai rujukan bagi menentukan tahap impak sesuatu insiden berdasarkan beberapa faktor yang dikenal pasti.

| KATEGORI | TIADA KESAN | KECIL | SEDERHANA | BESAR | BENCANA |
|----------------------|---|---|---|--|--|
| PERUNDANGAN | Tiada implikasi perundangan | Implikasi perundangan tetapi diselesaikan melalui peraturan sedia ada | Implikasi perundangan di peringkat mahkamah tanpa perubahan peraturan / dasar sedia ada | Implikasi perundangan di peringkat mahkamah dengan menyebabkan perubahan peraturan / dasar sedia ada | Menyebabkan pindaan akta, perundangan |
| STRATEGIK | Tiada kelewatan mencapai sasaran suku tahunan tanpa menjejaskan matlamat perkhidmatan keseluruhan | Kelewatan mencapai sasaran suku tahunan tanpa menjejaskan matlamat perkhidmatan keseluruhan | Kelewatan mencapai strategi objektif atau matlamat perkhidmatan | Kegagalan mencapai objektif pelanggan | Kegagalan mencapai strategik objektif atau matlamat perkhidmatan |
| KESELAMATAN MAKLUMAT | Maklumat dan data boleh dicapai | Maklumat dan data kurang dicapai | Maklumat dan data tidak dicapai | Cubaan pengodaman maklumat dan data | Maklumat dan data hilang |

| KATEGORI | TIADA KESAN | KECIL | SEDERHANA | BESAR | BENCANA |
|----------|--|---|---|---|--|
| MANUSIA | Kecederaan kecil yang tidak memerlukan rawatan | Kecederaan memerlukan rawatan ringan / first aid | Kecederaan memerlukan rawatan pesakit luar | Kecederaan memerlukan kemasukan wad | Menyebabkan sekurang-kurangnya satu kematian / impak kepada lebih dari seorang |
| | Memberi kesan terhadap rakyat / industri di sebuah Mukim | Memberi kesan terhadap rakyat / industri di sebuah Daerah | Memberi kesan terhadap rakyat / industri di sebuah Negeri | Memberi kesan terhadap rakyat / industri lebih dari sebuah negeri | Memberi kesan terhadap rakyat / industri di sebuah Negara |
| REPUTASI | Aduan yang tidak berasas | Aduan di peringkat Kementerian | Aduan dalam media | Publisiti negatif dari akhbar tempatan | Publisiti negatif dari akhbar tempatan dan antarabangsa |
| KEWANGAN | < 1% dari nilai peruntukan pembangunan / mengurus | > 1% - 2% dari nilai peruntukan pembangunan / mengurus | > 2% - 3% dari nilai peruntukan pembangunan / mengurus | > 3% - 4% dari nilai peruntukan pembangunan / mengurus | > 4% dari nilai peruntukan pembangunan / mengurus |
| OPERASI | Tidak dapat beroperasi di antara < 2jam | Tidak dapat beroperasi antara 2 – 4 jam | Tidak dapat beroperasi antara 4 – 12 jam | Tidak dapat beroperasi antara 12 – 24 jam | Tidak dapat beroperasi melebihi 24 jam atau perkhidmatan kritikal terjejas |

Jadual 2 : Indeks Impak KKM

iii. Mengkategorikan Risiko

Pengkategorian tahap risiko dilaksanakan berdasarkan kepada kebarangkalian ianya berlaku dan tahap impak sesuatu kejadian risiko keatas penyampaian perkhidmatan KKM. Matrik ini digunakan bagi menentukan kedudukan bagi insiden risiko KKM dimana risiko yang dianalisa ditentukan boleh diterima atau tidak berdasarkan matrik berikut:

$$R = K \times I$$

Skala Tahap Risiko(1-25) = Kebarangkalian (1-5) x Impak (1-5)

| | | Impak | | | | | |
|----------------|---|--------------------|-------|-----------|-------|--------------|----|
| | | TIADA KESAN | KECIL | SEDERHANA | BESAR | SANGAT BESAR | |
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | |
| Kebarangkalian | 5 | HAMPIR PASTI | 5 | 10 | 15 | 20 | 25 |
| | 4 | KEMUNGKINAN TINGGI | 4 | 8 | 12 | 16 | 20 |
| | 3 | ADA KEMUNGKINAN | 3 | 6 | 9 | 12 | 15 |
| | 2 | KEMUNGKINAN RENDAH | 2 | 4 | 6 | 8 | 19 |
| | 1 | JARANG | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

Jadual 3 : Matrik Kebarangkalian dan Impak

c. Menetapkan Strategi Kawalan Risiko

Mengawal risiko adalah mengambil tindakan untuk mengurangkan kebarangkalian atau magnitud impak risiko yang dihadapi oleh KKM melalui pelaksanaan beberapa kaedah strategi kawalan strategi seperti mengelak, memindah, mengurang dan menerima risiko sedia ada.

- Mengelak risiko (*Avoid*) – Tidak mengambil / meneruskan aktiviti tersebut.
- Memindah risiko (*Transfer*) – Melibatkan pihak lain yang berkongsi secara keseluruhan / sebahagian risiko melalui kontrak, insuran, MOU dan usahasama.
- Menerima risiko (*Accept*) – Risiko yang dikenalpasti boleh dihilangkan atau dielak atau tidak ada proses rawatan yang boleh dilakukan.
- Mengurang risiko (*Reduce*) – Kurangkan risiko dengan latihan, pengujian, kawalan atau perbaiki sistem pengurusan.

| | | Impak → | | | | | |
|------------------|---|--------------------|------------|------------------------|------------------------|------------------------|-----------------------|
| | | TIADA KESAN | KECIL | SEDERHANA | BESAR | SANGAT BESAR | |
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | |
| Kebarangkalian ↑ | 5 | HAMPIR PASTI | Cegah 5 | Cegah atau Mitigasi 10 | Cegah dan Mitigasi 15 | Cegah dan Mitigasi 20 | Cegah dan Mitigasi 25 |
| | 4 | KEMUNGKINAN TINGGI | Cegah 4 | Cegah 8 | Cegah atau Mitigasi 12 | Cegah dan Mitigasi 16 | Cegah dan Mitigasi 20 |
| | 3 | ADA KEMUNGKINAN | Mitigasi 3 | Cegah 6 | Cegah atau Mitigasi 9 | Cegah atau Mitigasi 12 | Cegah dan Mitigasi 15 |
| | 2 | KEMUNGKINAN RENDAH | Mitigasi 2 | Cegah 4 | Cegah 6 | Cegah 8 | Cegah dan Mitigasi 10 |
| | 1 | JARANG | Mitigasi 1 | Mitigasi 2 | Mitigasi 3 | Cegah 4 | Cegah 5 |

Jadual 4 : Matriks Penentuan Strategi Kawalan Risiko

d. Kajian Semula Risiko dan Pemantauan Risiko

Penilaian risiko dan pelan tindakan kawalan risiko secara berterusan bagi memastikan risiko Jabatan sentiasa dikemaskini; sebelum, semasa dan selepas sesuatu risiko itu berlaku.

Kaedah pemantauan dan pengawalan risiko seperti berikut :

- Penilaian Semula Risiko (secara berkala untuk mengenalpasti risiko baharu);
- Audit Risiko (memeriksa keberkesanan tindak balas risiko); dan
- Analisa *trend* (memantau keseluruhan prestasi).

e. Komunikasi dan Rundingan


Komunikasi membolehkan aktiviti-aktiviti penting kepada pengurusan risiko dilaksanakan dalam setiap proses yang telah diwujudkan dalam rangka kerja pengurusan risiko.

Komunikasi dan rundingan dalam pengurusan risiko penting bagi:

- Melaksanakan Pelan Pengurusan Risiko yang telah dibangunkan;
- Mendokumentasikan semua mesyuarat dan perbincangan dengan *stakeholders*;
- Mengkomunikasikan Pelan Pengurusan Risiko kepada warga KKM;
- Meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga jabatan berkenaan Pelan Pengurusan Risiko; dan
- Menyalurkan maklumat terkini berhubung Pelan Pengurusan Risiko.

3.8 Struktur Tadbir Urus

3.8.1 Struktur tadbir urus pengurusan risiko KKM adalah seperti berikut:



Gambar Rajah 3 : Struktur Pasukan Pengurusan Risiko KKM


3.8.2 Struktur tadbir urus pengurusan risiko KKM adalah seperti berikut:

- i. Peranan *Chief Risk Officer* (CRiO)
 - Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko (JIPPR) Agensi;
 - Memantau dan menyelia pengurusan risiko Agensi; dan
 - Merancang hala tuju pengurusan risiko Agensi.
- ii. Peranan *Risk Champion*
 - Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko (JIPPR) Agensi;
 - Meneliti semua laporan pengurusan risiko Bahagian/Unit; dan
 - Mengesahkan dan meluluskan semua pengurusan risiko di peringkat JPPR untuk diangkat kepada pengurusan atasan.
- iii. Peranan Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko (JPPR)
 - Melaporkan isu-isu berkaitan pengurusan risiko;
 - Memastikan dasar-dasar pengurusan risiko dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan;
 - Memperakukan cadangan penambahbaikan pengurusan risiko kepada JPPR; dan
 - Mengadakan mesyaurat pemantauan pengurusan risiko Agensi mengikut keperluan atau sekurang-kurangnya sekali setahun.
- iv. Peranan Urusetia
 - Menyediakan Laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko KKM
 - Mengumpulkan kompilasi risiko daripada setiap Sektor/Pusat/Zon/Unit dan menyampaikan dalam bentuk laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko KKM; dan
 - Menyimpan segala bentuk dokumentasi berkaitan Pengurusan Risiko KKM & Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko KKM.

3.8.2 Peranan Pasukan Pengurusan Risiko KKM (*Risk Officer*) adalah seperti berikut:


- i. Mengetahui pasti risiko, ancaman dan impak yang dihadapi oleh setiap bahagian di KKM;
- ii. Membangun, mengemaskini dan memantau pengurusan risiko bahagian supaya sentiasa lengkap dan terkini;
- iii. Menilai, menganalisis, mengklasifikasi dan mengenalpasti impak risiko pada setiap bahagian di KKM;
- iv. Mewakili dan mengetuai bahagian masing-masing dalam menangani dan mengawal risiko peringkat bahagian di KKM; dan
- v. Mencadangkan kepada pengurusan atasan KKM bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan risiko KKM.

RAJAH 1: CARTA ORGANISASI KKM



3.9 Senarai Pemegang Taruh (*Stakeholders*)

Senarai *stakeholders* KKM yang telah dikenal pasti adalah seperti Gambar Rajah 4 di bawah.



Gambar Rajah 4 : Senarai *Stakeholders*

3.11 Had Penerimaan Risiko

Had penerimaan risiko ditentukan berasaskan Matrik Kebarangkalian dan Impak. KKM menentukan sama ada sesuatu risiko boleh diterima atau tidak berdasarkan keputusan Had Penerimaan Risiko.

- a. Risiko BOLEH diterima (Skala Tahap Risiko: Rendah dan Sederhana, 1-8)
- b. Risiko TIDAK BOLEH diterima (Skala Tahap Risiko: Tinggi dan Ekstrim (9-25))

| Tahap Risiko | Skala Tahap Risiko | Penerangan Tahap Risiko | Had Penerimaan Risiko |
|--------------|--------------------|---|-----------------------------|
| E | 15-25 | Risiko sangat tinggi, pelan tindakan terperinci diperlukan | Risiko tidak boleh diterima |
| H | 9-12 | Risiko tinggi, diberi perhatian oleh pengurusan atasan Kementerian | |
| M | 4-8 | Risiko sederhana, diurus dan diberi perhatian oleh pihak yang dipertanggungjawabkan | Risiko boleh diterima |
| L | 1-3 | Risiko rendah, diuruskan mengikut prosedur sedia ada | |

Jadual 5 : Had Penerimaan Risiko

Berdasarkan Had Penerimaan Risiko tersebut, KKM telah bersetuju dengan ketetapan berikut:

- a) Insiden-insiden risiko dalam skala 1 hingga 8 adalah risiko yang boleh diterima dan akan diuruskan dengan menggunakan mekanisme sedia ada;
- b) Manakala skala 9 hingga 25 adalah tahap risiko yang tidak boleh diterima. KKM akan membina strategi kawalan yang sesuai bagi insiden-insiden risiko tersebut.

SENARAI INSIDEN RISIKO

4.0 SENARAI INSIDEN RISIKO

I. Senarai Insiden Risik Perundangan

| Bil. | Insiden Risiko |
|------|--|
| 1. | Tiada penguatkuasaan undang-undang |
| 2. | Peraturan bawah Akta Anti Perubatan belum diwartakan |
| 3. | Rang Undang-Undang belum diluluskan peringkat KKM |
| 4. | Perjanjian kontrak kerja lambat ditandatangani |
| 5. | Perubahan dasar/peraturan |

II. Senarai Insiden Risiko Strategik

| Bil. | Insiden Risiko |
|------|--|
| 1. | Projek terbengkalai |
| 2. | Pembangunan Proposal 1 <i>Care Blue Print</i> |
| 3. | Risiko aduan |
| 4. | Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari yang belum dikuatkuasakan |
| 5. | Unit Perubatan Tradisional dan Komplementari baru yang ditubuhkan lewat beroperasi |
| 6. | Pemprosesan surat sokongan pengamal warga asing yang melepasi tempoh ditetapkan |
| 7. | Kekurangan dalam pembangunan profession kepakaran |
| 8. | Pertindihan fungsi antara Kementerian |

| Bil. | Insiden Risiko |
|------|---|
| 9. | Kelewatan perolehan bekalan / perkhidmatan / kerja |
| 10. | Perubahan polisi/ keputusan (contoh : jenis vaksin) |
| 11. | Peruntukan yang terhad |
| 12. | <i>Mismatch of skills</i> |

III. Senarai Insiden Risiko Keselamatan Maklumat

| Bil. | Insiden Risiko |
|------|--|
| 1. | Pencerobohan data |
| 2. | Serangan penggadam/ pencerobohan ICT |
| 3. | Ancaman virus |
| 4. | Pencerobohan pejabat |
| 5. | Gangguan sistem |
| 6. | Kebocoran dan kehilangan maklumat |
| 7. | Pencerobohan stor eksibit dan kecurian eksibit |
| 8. | Pencerobohan siber melibatkan laman web dan perkhidmatan atas talian |
| 9. | Kecurian / kehilangan / kelalaian |
| 10. | Kegagalan sistem teknologi maklumat |
| 11. | Pencerobohan data |

IV. Senarai Insiden Risiko Sumber Manusia

| Bil. | Insiden Risiko |
|------|--|
| 1. | Kecederaan anggota/ Risiko kesihatan pekerjaan/ Status kesihatan |
| 2. | <i>Brain drain</i> |
| 3. | Kekurangan sumber manusia |
| 4. | Tidak mempunyai kepakaran / kemahiran yang dapat melaksanakan penyelenggaraan Sistem (QUEST 2 dan 3) |
| 5. | Kesihatan Pegawai Farmasi |
| 6. | Wabak penyakit |
| 7. | Penularan penyakit tidak berjangkit |
| 8. | Kekurangan pegawai berkemahiran |
| 9. | Pertukaran pegawai terlatih dan mengakibatkan kurang pegawai berpengalaman |
| 10. | Perubahan polisi/ keputusan (contoh jenis vaksin) |
| 11. | Keselamatan Pegawai Farmasi |
| 12. | Kekurangan dan kelemahan integriti |
| 13. | Tiada pengisian jawatan |
| 14. | Kadar pertukaran pegawai yang tinggi |

V. Senarai Insiden Risiko Reputasi

| Bil. | Insiden Risiko |
|------|---|
| 1. | Risiko aduan |
| 2. | Aduan peralatan perubatan tidak selamat digunakan |
| 3. | Aduan kesilapan pengubatan |
| 4. | Aduan <i>stakeholder</i> (projek lewat) |
| 5. | Aduan dari orang ramai mengenai salahlaku pengamal dan premis |
| 6. | Aduan kualiti air |
| 7. | Aduan projek tidak berfungsi |
| 8. | Serangan pengodam |
| 9. | Kelewatan bayaran |
| 10. | Aduan keselamatan stok ubatan |
| 11. | Serangan virus |
| 12. | Laporan lewat dikeluarkan |

VI. Senarai Insiden Risiko Sistem dan Kewangan

| Bil. | Insiden Risiko |
|------|--|
| 1. | Kekurangan atau kegagalan Sistem Rangkaian IT (perkakasan (TPC, hidata email), aplikasi, sistem rangkaian ICT) |
| 2. | Bajet pembangunan / belanja mengurus tidak mencukupi |
| 3. | Peruntukan lambat diterima |
| 4. | Kekurangan bajet pegurusan |
| 5. | Kekurangan kapasiti dan kapabiliti di makmal |

| Bil. | Insiden Risiko |
|------|--|
| 6. | Kekurangan kewangan untuk Dasar Baru Ubat/Anggota |
| 7. | Bajet perolehan peralatan tidak mencukupi |
| 8. | Bajet tidak mencukupi untuk <i>outreach</i> program |
| 9. | Peruntukan yang terhad |
| 10. | <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) yang tidak dikemaskini |
| 11. | Sistem yang tidak memenuhi keperluan |
| 12. | Kebergantungan kepada sumber luar (<i>third party outsourcing</i>) |

VII. Senarai Insiden Risiko Operasi

| Bil. | Insiden Risiko |
|------|--|
| 1. | Kegagalan sistem (QUEST 3) berfungsi dengan baik |
| 2. | Bencana alam |
| 3. | Kecederaan anggota/ Risiko kesihatan pekerjaan/ status kesihatan |
| 4. | Kelewatan menerima data |
| 5. | Berlaku wabak penyakit berjangkit bawaan air |
| 6. | Kelewatan projek |
| 7. | Gangguan bekalan elektrik |
| 8. | Kurang pegawai untuk penyelenggaraan sistem yg dibangunkan |
| 9. | Kerosakan peralatan (contoh: fotostat atau fax) |
| 10. | Dokumen pengamal warga asing yang tidak lengkap |
| 11. | Pencerobohan pejabat dan kecurian aset |

| Bil. | Insiden Risiko |
|------|--|
| 12. | Kelewatan masa bertindak untuk <i>uptime</i> |
| 13. | Kerosakan perkakasan |
| 14. | Gangguan sistem |
| 15. | Kecurian/kehilangan aset |
| 16. | Perubahan teknologi |
| 17. | Kelewatan dapat data/maklumat |
| 18. | Laporan lewat dikeluarkan |
| 19. | Terputus bekalan ubatan |
| 20. | Gangguan bekalan elektrik |
| 21. | <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) tidak dikemaskinikan |
| 22. | Kerosakkan aset fizikal |
| 23. | <i>System down</i> / sistem tergendala |
| 24. | Ancaman bom / serangan pengganas |
| 25. | Bencana Alam (contoh: banjir atau gempa bumi) |
| 26. | Pencerobohan siber |
| 27. | Kegagalan infrastruktur Pusat Data KKM |
| 28. | Kebakaran pejabat |

JADUAL PENILAIAN DAN STRATEGI KAWALAN RISIKO

4.1 JADUAL PENILAIAN

TERAS STRATEGIK 1

Mengukuhkan penyampaian perkhidmatan kesihatan bagi setiap tahap penyakit khususnya penjagaan kesihatan primer

| NO. SIRI | PROGRAM | BHG TERLIBAT | SEBAB | INSIDEN RISIKO | AKIBAT | KEBARANGKALIAN (W) | IMPAK SEKIRANYA RISIKO BERLAKU | | | | | (Y) = IMPAK (a+b+c+d+e)/n | TAHAP RISIKO (W x Y) | KOD TAHAP RISIKO (WARNA) |
|----------|--|--------------|--|---|---|--------------------|--------------------------------|--------------|--------------|-------------|-----------------|------------------------------|----------------------|--------------------------|
| | | | | | | | (a) Manusia | (b) Reputasi | (c) Kewangan | (d) Operasi | (e) Perundangan | | | |
| 1.1 | Meningkatkan lawatan pasukan bergerak ke kampung Orang Asli. | Pej. TKPK | 1) Kekurangan bilangan PBOA (sumber manusia) 2) Kekurangan kenderaan 4x4 bagi lawatan ke pedalaman 3) Kekerapan kejadian kerosakan kenderaan 4x4 sedia ada 4) Kekurangan peruntukan untuk melakukan penyelenggaraan kenderaan 4x4 sedia ada 5) Ketidakaapaian kerana kejadian alam seperti tanah runtuh, hujan lebat, jalan terputus (faktor luar kawalan) | Sasaran liputan lawatan pasukan bergerak ke kampung Orang Asli tidak dapat dicapai Sasaran 2018: Sebanyak 80% lawatan berbanding perancangan dijalankan bagi sekurang-kurangnya setiap 4 minggu sekali | 1) Perkhidmatan kesihatan yang berterusan tidak dapat disampaikan ke kampung Orang Asli. 2) Penjagaan ibu dan anak terjejas. 3) Pengesanan awal kes terutama penyakit berjangkit tidak dapat dilakukan. 4) Kegagalan melakukan rujukan segera bagi pesakit yang memerlukan rawatan lanjut. | 4 | 2 | 3 | 1 | 3 | 0 | 2 | 8 | |

TERAS STRATEGIK 1

Menguatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan bagi setiap tahap penyakit khususnya penjagaan kesihatan primer

| NO. SIRI | PROGRAM | BHG TERLIBAT | SEBAB | INSIDEN RISIKO | AKIBAT | KEBARANGKALIAN (W) | IMPAK SEKIRANYA RISIKO BERLAKU | | | | | (Y) = IMPAK (a+b+c+d+e)/n | TAHAP RISIKO (W x Y) | KOD TAHAP RISIKO (WARNA) |
|----------|--|--------------|---|---|--------------------------------|--------------------|--------------------------------|--------------|--------------|-------------|-----------------|---------------------------|----------------------|--------------------------|
| | | | | | | | (a) Manusia | (b) Reputasi | (c) Kewangan | (d) Operasi | (e) Perundangan | | | |
| 1.2 | Meperkukuhkan Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM). | | | | | | | | | | | | | |
| 1.2a | Peraturan kanak-kanak yang meningkat berat badan dalam PPKZM. | Pemakanan | Peruntukan dikurangkan/ tidak mencukupi | Perlaksanaan program PPKZM tidak sepenuhnya | Sasaran program tidak tercapai | 3 | 5 | 3 | 1 | 1 | 0 | 2 | 6 | |
| 1.2b | Bilangan Pusat "Community Feeding" (PCF) yang telah ditubuhkan. | Pemakanan | Peruntukan dikurangkan / tidak mencukupi | Pusat "Community Feeding" (PCF) tidak dapat ditubuhkan | Sasaran program tidak tercapai | 3 | 1 | 2 | 1 | 1 | 0 | 1 | 3 | |
| 1.2c | Peratusan liputan kanak-kanak Orang Asli/ Pribumi yang mengalami kekurangan zat makanan berdaftar dalam Program "Community Feeding". | Pemakanan | Kekerapan kedatangan ke Pusat PCF yang rendah | Kanak-kanak Orang Asli/ pribumi tidak mendapat makanan yang diperuntukkan dalam program | Sasaran program tidak tercapai | 1 | 1 | 2 | 1 | 1 | 0 | 1 | 1 | |

TERAS STRATEGIK 1

Mengukuhkan penyampaian perkhidmatan kesihatan bagi setiap tahap penyakit khususnya penjagaan kesihatan primer

| NO. SIRI | PROGRAM | BHG TERLIBAT | SEBAB | INSIDEN RISIKO | AKIBAT | KEBARANGKALIAN (W) | IMPAK SEKIRANYA RISIKO BERLAKU | | | | | (Y) = IMPAK (a+b+c+d+e)/n | TAHAP RISIKO (W x Y) | KOD TAHAP RISIKO (WARNA) |
|----------|--|--------------|--|---|--|--------------------|--------------------------------|--------------|--------------|-------------|-----------------|---------------------------|----------------------|--------------------------|
| | | | | | | | (a) Manusia | (b) Reputasi | (c) Kewangan | (d) Operasi | (e) Perundangan | | | |
| 1.2d | Peratusan kanak-kanak Orang Asli/ Pribumi yang mengalami kekurangan zat makanan pulih selepas 6 bulan mengikuti Program "Community Feeding". | Pemakanan | Pemantauan yang tidak menyeluruh bagi setiap kes | Kanak-kanak Orang Asli/ Pribumi yang mengalami kekurangan zat makanan tidak pulih selepas 6 bulan mengikuti Program "Community Feeding" | Sasaran program tidak tercapai | 1 | 1 | 2 | 1 | 1 | 0 | 1 | 1 | |
| 1.3 | Mengukuhkan perkhidmatan penjagaan kesihatan primer kepada kumpulan sasar. | | | | | | | | | | | | | |
| 1.3a | Bilangan Klinik 1Malaysia baru setiap tahun. | BPKK | Tiada perjawatan baru | Sasaran 33 bilangan klinik 1Malaysia baharu setiap tahun tidak dapat dilaksana | Liputan perkhidmatan K1M tidak meluas seperti disasarkan | 4 | 1 | 2 | 3 | 3 | 2 | 2 | 8 | |
| | | | Tidak mendapat kelulusan premis sewaan | Sasaran 33 bilangan klinik 1Malaysia baharu setiap tahun tidak dapat dilaksana | K1M tidak dapat dibuka | 4 | 1 | 4 | 3 | 4 | 1 | 3 | 12 | |

TERAS STRATEGIK 1

Menguukuhkan penyampaian perkhidmatan kesihatan bagi setiap tahap penyakit khususnya penjagaan kesihatan primer

| NO. SIRI | PROGRAM | BHG TERLIBAT | SEBAB | INSIDEN RISIKO | AKIBAT | KEBARANGKALIAN (W) | IMPAK SEKIRANYA RISIKO BERLAKU | | | | | (Y) = IMPAK (a+b+c+d+e)/n | TAHAP RISIKO (W x Y) | KOD TAHAP RISIKO (WARNA) |
|----------|--|--------------|-----------------------------------|--|---|--------------------|--------------------------------|--------------|--------------|-------------|-----------------|------------------------------|----------------------|--------------------------|
| | | | | | | | (a) Manusia | (b) Reputasi | (c) Kewangan | (d) Operasi | (e) Perundangan | | | |
| 1.3b | Kehadiran pesakit di Klinik Bergerak 1Malaysia (KB1M). | BPKK | Kerosakan bas/bot | Bas/bot tidak dapat ke kawasan operasi | Perkhidmatan tidak dapat dijalankan | 4 | 1 | 3 | 0 | 5 | 1 | 3 | 12 | |
| | | | Faktor cuaca yang buruk | Cuaca yang tidak sesuai menyebabkan bot tidak boleh ke kawasan operasi | KB1M tidak dapat beroperasi pada hari tersebut | 3 | 1 | 1 | 0 | 4 | 1 | 2 | 6 | |
| | | | Tiada peruntukan khas | Tiada peruntukan khas diterima untuk penyediaan perkhidmatan dan pembayaran sewaan bas/bot | Syarikat pembekal tidak dapat menyediakan bas/bot | 3 | 1 | 4 | 0 | 5 | 1 | 3 | 9 | |
| 1.3c | Kehadiran pesakit di Klinik Bergerak. | BPKK | Tiada pasukan khas dan digunajama | Operasi ditangguhkan kerana anggota tidak mencukupi dan gunajama | Tidak dapat beroperasi | 3 | 1 | 3 | 0 | 4 | 1 | 2 | 6 | |
| | | | Tiada peruntukan khas | Tiada peruntukan khas diterima untuk penyediaan perkhidmatan | Tidak dapat beroperasi | 3 | 1 | 3 | 0 | 4 | 1 | 2 | 6 | |

TERAS STRATEGIK 1

Mengukuhkan penyampaian perkhidmatan kesihatan bagi setiap tahap penyakit khususnya penjagaan kesihatan primer

| NO. SIRI | PROGRAM | BHG TERLIBAT | SEBAB | INSIDEN RISIKO | AKIBAT | KEBARANGKALIAN (W) | IMPAK SEKIRANYA RISIKO BERLAKU | | | | | IMPAK (Y) = IMPAK (a+b+c+d+e)/n | TAHAP RISIKO (W x Y) | KOD TAHAP RISIKO (WARNA) |
|----------|--|--------------|---|--|--|--------------------|--------------------------------|--------------|--------------|-------------|-----------------|---------------------------------|----------------------|--------------------------|
| | | | | | | | (a) Manusia | (b) Reputasi | (c) Kewangan | (d) Operasi | (e) Perundangan | | | |
| 1.4 | Menyediakan rawatan pembedahan katarak kepada penduduk berkepadatan rendah. | BPP | Kekurangan <i>implant</i> katarak | Kekurangan penyediaan rawatan pembedahan katarak kepada penduduk berkepadatan rendah | Peningkatan <i>waiting-time</i> untuk pembedahan katarak di hospital | 4 | 2 | 2 | 1 | 2 | 0 | 2 | 8 | |
| | | | Kekurangan bilik dan alatan pembedahan | | | 4 | 2 | 2 | 1 | 2 | 0 | 2 | 8 | |
| | | | Kekurangan kakitangan (pakar / MO / <i>scrub nurse</i> / OT nurse) | | | 3 | 2 | 2 | 1 | 2 | 0 | 2 | 6 | |
| 1.5 | Mengukuhkan perkhidmatan kesihatan pergigian kepada kumpulan sasaran. | | | | | | | | | | | | | |
| 1.5a | Peratusan pesakit berumur 60 tahun dan ke atas yang mendapat gigi palsu dalam tempoh 8 minggu. | OHD | Kekurangan juruteknologi pergigian Kerusi pergigian yang terhad di klinik pergigian Proses pembuatan gigi palsu mengambil masa yang panjang | Warga emas tidak mendapat gigi palsu dalam tempoh 8 minggu | Menjejaskan kualiti hidup rakyat | 4 | 4 | 3 | 0 | 3 | 0 | 3 | 12 | |

TERAS STRATEGIK 1

Menguatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan bagi setiap tahap penyakit khususnya penjagaan kesihatan primer

| NO. SIRI | PROGRAM | BHG TERLIBAT | SEBAB | INSIDEN RISIKO | AKIBAT | KEBARANGKALIAN (W) | IMPAK SEKIRANYA RISIKO BERLAKU | | | | | TAHAP RISIKO (W x Y) | KOD TAHAP RISIKO (WARNA) | |
|----------|--|--------------|--|--|--|--------------------|--------------------------------|--------------|--------------|-------------|-----------------|----------------------|--------------------------|---------------------------|
| | | | | | | | (a) Manusia | (b) Reputasi | (c) Kewangan | (d) Operasi | (e) Perundangan | | | (Y) = IMPAK (a+b+c+d+e)/n |
| 1.5b | Bilangan klinik pergigian bergerak baru. | OHD | Kekurangan peruntukan kewangan untuk membeli klinik pergigian bergerak yang baharu | Klinik pergigian bergerak baharu tidak dapat ditambah seperti yang disasarkan setiap tahun | Kesihatan pergigian masyarakat akan berada pada tahap yang rendah dan menjejaskan kualiti hidup rakyat | 2 | 2 | 2 | 5 | 2 | 0 | 3 | 6 | |
| 1.5c | Peratusan klinik pergigian yang menyediakan perkhidmatan pesakit luar setiap hari. | OHD | Ruang yang sempit tidak dapat dinaiktaraf untuk menempatkan anggota kesihatan pergigian dan untuk menambah bilangan kerusi pergigian | Pesakit luar tidak dapat akses kepada perkhidmatan pergigian di lokaliti yang berdekatan. | Masalah pergigian individu tidak dapat diatasi secepat mungkin | 3 | 1 | 2 | 0 | 0 | 0 | 2 | 6 | |
| | | | Kerusi pergigian yang lama dan kerap rosak | | Penyakit pergigian tidak dapat dirawat pada peringkat awal dan menyebabkan penyakit pergigian menjadi lebih serius | | | | | | | | | |

TERAS STRATEGIK 1

Menguuhkan penyampaian perkhidmatan kesihatan bagi setiap tahap penyakit khususnya penjagaan kesihatan primer

| NO. SIRI | PROGRAM | BHG TERLIBAT | SEBAB | INSIDEN RISIKO | AKIBAT | KEBARANGKALIAN (W) | IMPAK SEKIRANYA RISIKO BERLAKU | | | | | (Y) = IMPAK (a+b+c+d+e)/n | TAHAP RISIKO (W x Y) | KOD TAHAP RISIKO (WARNA) |
|----------|--|--------------|--|--|--|--------------------|--------------------------------|--------------|--------------|-------------|-----------------|---------------------------|----------------------|--------------------------|
| | | | | | | | (a) Manusia | (b) Reputasi | (c) Kewangan | (d) Operasi | (e) Perundangan | | | |
| 1.5d | Bilangan perkhidmatan kepakaran pergigian baru yang diwujudkan. | OHD | Fasiliti untuk menempatkan Pakar Pergigian tidak mencukupi Bilangan Pakar Pergigian tidak mencukupi | Perkhidmatan Kepakaran Pergigian tidak dapat diakses oleh rakyat dengan mudah | Rakyat terpaksa mengeluarkan kos yang tinggi untuk mendapat perkhidmatan kepakaran pergigian bila diperlukan | 3 | 4 | 4 | 5 | 4 | 0 | 4 | 12 | |
| 1.6 | Memperluaskan pelaksanaan perkhidmatan penjagaan kesihatan domisiliari (DHC) di peringkat kesihatan primer (PTPK). | | | | | | | | | | | | | |
| 1.6a | Peratusan klinik kesihatan yang mempunyai pasukan penjagaan kesihatan domisiliari. | BPKK | Kurang perjawatan baru | Sasaran peratus klinik kesihatan (KK) yang mempunyai pasukan penjagaan kesihatan domisiliari tidak dapat dicapai | Perluasan perkhidmatan KK tidak dapat dilaksanakan kerana pasukan tidak dapat dibentuk seperti sasaran | 3 | 5 | 1 | 0 | 3 | 1 | 3 | 9 | |
| 1.6b | Bilangan pesakit baru yang discaj dari hospital dan berdaftar dalam program penjagaan domisiliari. | BPKK | Kakitangan hospital tidak dilatih dan diberi latihan secukupnya | Bilangan pesakit baru yang discaj dari hospital dan berdaftar dalam program penjagaan domisiliari. | Program yang dilaksanakan tidak mencapai objektif | 4 | 1 | 1 | 0 | 2 | 1 | 1 | 4 | |

TERAS STRATEGIK 1

Menguatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan bagi setiap tahap penyakit khususnya penjagaan kesihatan primer

| NO. SIRI | PROGRAM | BHG TERLIBAT | SEBAB | INSIDEN RISIKO | AKIBAT | KEBARANGKALIAN (W) | IMPAK SEKIRANYA RISIKO BERLAKU | | | | | (Y) = IMPAK (a+b+c+d+e)/n | TAHAP RISIKO (W x Y) | KOD TAHAP RISIKO (WARNA) |
|----------|--|--------------|--|--|---|--------------------|--------------------------------|--------------|--------------|-------------|-----------------|------------------------------|----------------------|--------------------------|
| | | | | | | | (a) Manusia | (b) Reputasi | (c) Kewangan | (d) Operasi | (e) Perundangan | | | |
| 1.7 | Menguatkan pasukan penjagaan kesihatan primer untuk melaksanakan konsep doktor keluarga. | BPKK | Kurang perjawatan baru | Bilangan Klinik Kesihatan yang baru dengan pasukan PHC setiap tahun. | pasukan PHC rendah dari sasaran setiap tahun. | 1 | 1 | 0 | 0 | 1 | 1 | 1 | 1 | Green |
| | | | Pasukan PHC yang tidak lengkap dengan 8 jawatan | Bilangan Klinik Kesihatan yang baru dengan pasukan PHC setiap tahun. | Menjejaskan kesinambungan perkhidmatan pelbagai disiplin dalam konsep doktor keluarga | 4 | 4 | 3 | 0 | 2 | 1 | 3 | 12 | Orange |
| 1.8 | Memperluaskan pelaksanaan inisiatif Pengurusan Kejut di kemudahan kesihatan. | | | | | | | | | | | | | |
| 1.8a | Bilangan hospital melaksanakan inisiatif Pengurusan Kejut. | BPP | Kurang pendidikan / promosi mengenai Pengurusan Kejut di kemudahan kesihatan | Kurang pengetahuan oleh kakitangan mengenai pelaksanaan Pengurusan Kejut | Pembaziran sumber masih berlaku | 4 | 2 | 2 | 1 | 2 | 0 | 2 | 8 | Yellow |
| 1.8b | Bilangan klinik kesihatan baru yang melaksanakan inisiatif Pengurusan Kejut. | BPKK | Kurang peruntukan untuk melaksanakan latihan | Bilangan klinik kesihatan baru yang melaksanakan inisiatif Pengurusan Kejut. | Perluasan pengurusan kejut kurang | 1 | 3 | 3 | 0 | 1 | 0 | 2 | 2 | Green |

TERAS STRATEGIK 1

Menguuhkan penyampaian perkhidmatan kesihatan bagi setiap tahap penyakit khususnya penjagaan kesihatan primer

| NO. SIRI | PROGRAM | BHG TERLIBAT | SEBAB | INSIDEN RISIKO | AKIBAT | KEBARANGKALIAN (W) | IMPAK SEKIRANYA RISIKO BERLAKU | | | | | (Y) = IMPAK (a+b+c+d+e)/n | TAHAP RISIKO (W x Y) | KOD TAHAP RISIKO (WARNA) |
|----------|--|--------------|--|--|---|--------------------|--------------------------------|--------------|--------------|-------------|-----------------|------------------------------|----------------------|--------------------------|
| | | | | | | | (a) Manusia | (b) Reputasi | (c) Kewangan | (d) Operasi | (e) Perundangan | | | |
| 1.9 | Memperluas-kan pelaksanaan konsep Hospital Kluster. | BPP | Tiada kesedaran / kerjasama di antara hospital untuk berkongsi sumber (peralatan, kepakaran, sumber manusia) | Kurang kolaborasi antara hospital terhadap pelaksanaan konsep Hospital Kluster | Sasaran peningkatan 3 tidak dapat dicapai | 4 | 2 | 2 | 1 | 2 | 0 | 2 | 8 | |
| | | | Pertambahan beban tugas doktor pakar dari hospital <i>lead</i> ke <i>non-lead</i> | Perkhidmatan di <i>lead</i> hospital tidak memuaskan | Perkhidmatan di hospital <i>lead</i> dan <i>non-lead</i> terjejas | 4 | 2 | 2 | 1 | 2 | 0 | 2 | 8 | |
| 1.10 | Menambahbaik perkhidmatan penjagaan prahospital. | | | | | | | | | | | | | |
